

## UMP kekal capai lima bintang penilaian *QS Stars University Ratings*

*Sinar Harian (Sinar Minggu) 9/2/2022 (Rabu) m/s: 21*

**KUANTAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengekalkan pencapaian lima bintang dalam penilaian *QS Stars University Ratings 2022*.

Pencapaian yang dinilai melalui Sistem Penilaian *Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating* itu memperlihatkan pencapaian UMP secara menyeluruh.

UMP berjaya memperoleh lima bintang bagi lapan kategori iaitu pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan, pengantarabangsaan, penyelidikan, kemudahan, kekuatan program akademik (Kejuruteraan Mekanikal), inovasi dan inklusif (keterangkuman).

Profesor Dr Yuserrie Zainuddin yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP berkata, UMP akan terus memperkukuhkan usaha da-

lam memajukan dan mengembangkan pendidikan tinggi dengan memberi tumpuan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) aras tinggi.

Menurutnya, pelbagai usaha sedang dibangunkan bagi memfokuskan terhadap peningkatan keupayaan teknikal negara.

“Antaranya melalui penawaran program akademik yang dipacu industri bagi melahirkan graduan yang holistik.

“Tumpuan juga turut diberikan kepada jalinan kerjasama antara UMP dan industri dalam dan luar negara bagi meningkatkan ke-



**YUSERRIE ZAINUDDIN**

upaya teknikal kedua-dua pihak,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dr Yuserrie berkata, bagi mencapai hasrat itu, pihak universiti telah merangka Pelan Strategik UMP 2021-2025.

“Pelan ini memfokuskan kepada elemen penerokaan pengetahuan

baru melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi, pengantarabangsaan dan keusahawanan graduan dalam bidang berkaitan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat global.

“Turut diberi perhatian elemen kelestarian kewangan dan pemantapan kecemerlangan ekosistem universiti,” katanya.